



## PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

(No. 12557-W)

### Personal Data Protection Act 2010 Personal Data Notice

As part of our effort to ensure compliance with the Personal Data Protection Act 2010 ("Act"), we have uploaded our privacy policy which sets out the terms of the processing and the use of personal data by us, and the said privacy policy constitutes written notice to you in accordance with the Data Protection Principles under the Act ("Privacy Policy"). Our Privacy Policy sets out the manner in which we collect, process, use, disclose, transfer and store your personal data.

Kindly review our [Privacy Policy](#), as the primary source of information in outlining our obligations under the Act as well as to stay informed of your rights and of the protection accorded to you under the Act. We would appreciate your co-operation to review our Privacy Policy on a periodic basis to stay informed of your rights and of the protection accorded to you under the Act. Unless otherwise expressed and defined herein, all capitalised terms and defined terms shall have the same meaning as set out in the Privacy Policy.

The Personal Data you have provided in this form and other Personal Data that have been provided by you in such manner as stated in our Privacy Policy will be used for the purpose of processing your insurance application / proposal, insurance or reinsurance, provision of insurance related products or services or any addition, alteration, variation, cancellation, renewal or reinstatement thereof, performing statistical / actuarial research or data study, promoting products and services, other related purposes and such other purposes as per our Privacy Policy (collectively, "Purpose").

Your Personal Data or Sensitive Personal Data and that of the driver(s) named in the Policy, collected or held by the Company may be used, processed and disclosed to individuals or companies as may be required to comply with the terms, conditions and obligations under the Policy. The Company can also use, process and disclose to any related company in Malaysia or abroad or any selected third party service providers in Malaysia or abroad that We deem necessary including but not limited to insurance or reinsurance companies, broking firms, loss adjusting firms / companies, claims or forensic investigators, law firms, credit reference companies, any service provider appointed by the Regulatory body / governing Authority / Association / Federation of insurance companies or any corporate entities, governmental, legal, regulatory or judicial bodies to whom the Company, its affiliates or any third party data processor is obliged to disclose under the requirement of any law, bye-law or guideline. You can obtain access to information in respect of third party Data Processors to correct or halt the processing of Your Personal Data or Sensitive Personal Data at any time by submitting such request in writing stating your name, contact particulars and particulars of the said request.

We will deem that you have consented to the above stated Purpose if you do not give us any written notice. Please take note that if you do give such notice, you will not have any Insurance coverage and that any Policy that may have been issued will be cancelled and may be deemed void ab initio / from inception.

---

#### **ACKNOWLEDGEMENT AND CONSENT**

**I /We have read and understood the terms of this Personal Data Notice and explicitly Consent to the processing of my Sensitive Personal Data as described above.**

**Signature:** .....

**Full Name:** .....

**Date:** .....

**NRIC No.:** .....



## PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

(No. 12557-W)

### Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

#### Notis Data Peribadi

Untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”), kami telah memuat naik dasar privasi kami (“Polisi Privasi”). Polisi Privasi tersebut mengandungi terma-terma dan syarat-syarat berkenaan dengan pemprosesan dan penggunaan Data Peribadi anda. Polisi Privasi bersama dengan notis ini merupakan notis bertulis kepada anda sejajar dengan Prinsip Perlindungan Data di bawah Akta. Polisi Privasi kami menyenaraikan pelbagai cara kami menguruskan Data Peribadi anda termasuk cara kami mengumpul, memproses, mengguna, menzahir (mendedah), memindah dan menyimpan Data Peribadi anda.

Sila meneliti [Polisi Privasi](#) kami sebagai sumber maklumat utama yang merangkakan obligasi kami di bawah Akta dan memaklumkan hak dan perlindungan tertakluk kepada anda di bawah Akta. Sila teliti dan semak semula Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa supaya anda sedia maklum dengan hak-hak dan perlindungan yang diberikan kepada anda di bawah Akta. Dalam notis ini, melainkan jika dinyatakan dan ditafsirkan di notis ini, terma-terma diguna mempunyai maksud yang seperti dinyatakan dalam Polisi Privasi kami.

Data Peribadi yang anda berikan dalam borang ini dan bila-bila masa seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami akan digunakan untuk tujuan pemprosesan permohonan/cadangan insurans anda, insurans atau insurans semula (Reinsurans), peruntukkan produk atau perkhidmatan berkaitan insurans atau sebarang penambahan, pemindaan, variasi, pembatalan, pembaharuan atau pengembalian kepada kedudukan yang asal, pelaksanaan kajian statistik/aktuari atau kajian data, promosi produk dan perkhidmatan, lain-lain tujuan yang berkaitan dan lain-lain tujuan yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami (secara kolektif, “Tujuan”).

Data Peribadi atau Data Peribadi Sensitif anda dan juga pemandu yang dinamakan dalam Polisi yang dikumpul atau dipegang oleh Syarikat mungkin akan digunakan, diproses dan didedahkan kepada individu atau syarikat yang mungkin diperlukan untuk mematuhi syarat-syarat dan kewajipan di bawah Polisi. Syarikat juga boleh menggunakan, memproses dan mendedahkan kepada mana-mana syarikat yang berkaitan, di Malaysia atau di luar negara atau mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terpilih di Malaysia atau di luar negara yang kami anggap perlu termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat insurans atau syarikat penginsurans semula (Reinsurers), firma pembrokeran, firma/syarikat ajuster kerugian, penyiasat tuntutan atau forensik, firma guaman, syarikat rujukan kredit, mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh badan Berkanun / pihak Berkusa / Persatuan / Persekutuan syarikat insurans atau mana-mana entiti korporat, pihak kerajaan, badan undang-undang, badan berkanun atau badan kehakiman yang mana Syarikat, anggota gabungannya atau mana-mana pihak ketiga pemproses data adalah diwajibkan untuk mendedahkannya di bawah tuntutan mana-mana undang-undang, undang-undang kecil / peraturan atau garis panduan.

Anda boleh mendapatkan maklumat berhubung pihak ketiga Pemproses Data untuk membetulkan atau menghentikan pemprosesan Data Peribadi atau Data Peribadi Sensitif anda pada bila-bila masa dengan menyerahkan permintaan yang berkenaan secara bertulis yang menyatakan nama anda, butiran hubungan dan butiran permintaan tersebut.

Kami akan menganggap bahawa anda telah memberi kebenaran kepada Tujuan yang tersebut di atas sekiranya anda tidak memberikan kami sebarang notis bertulis. Sila ambil maklum bahawa sekiranya anda ada memberikan notis yang sedemikian, anda tidak akan mempunyai sebarang perlindungan insurans dan sebarang Polisi yang memang telah dikeluarkan / di isu akan dibatalkan dan di syaki tidak sah dari tarikh pembelian (void ab initio / dari tarikh permulaan).

---

#### **PENGAKUAN DAN KEBENARAN**

**Saya/Kami telah membaca dan memahami syarat-syarat Notis Data Peribadi ini dan membenarkan secara eksplisit pemprosesan Data Peribadi Sensitif saya/kami seperti yang telah diterangkan di atas.**

Tandatangan: .....

Nama Penuh: .....

Tarikh: .....

No Kad Pengenalan: .....